



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA KENYATAAN MEDIA

Bil. 03 / 2019

PROSES PENAMAAN CALON PILIHAN RAYA KECIL (PRK) PARLIMEN P.078 CAMERON HIGHLANDS

1. Seluruh warga SPR mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham Tuan Bakhtiar bin Mohd Noor, Ahli Dewan Undangan Negeri (N.24) Semenyih di atas pemergian beliau ke rahmatullah. Kami berdoa semoga roh Allahyarham agar dicucuri rahmat Allah SWT dan ditempatkan di kalangan golongan yang soleh.
2. Hari ini proses Penamaan Calon bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen P.078 Cameron Highlands telah dijalankan.
3. Selepas tempoh penamaan calon ditutup pada jam 10.00 pagi, SPR telah menerima sebanyak **4 kertas pencalonan** bagi PRK ini.

SENARAI PENCALONAN YANG DITERIMA:

- 1) **SALLEHUDIN BIN AB TALIB** (BEBAS) (Masa:9.07 pagi)
- 2) **MANOGARAN MARIMUTHU** (PAKATAN HARAPAN) (Masa: 9.10 pagi)
- 3) **RAMLI BIN MOHD NOR** (BARISAN NASIONAL) (Masa: 9.11 pagi)
- 4) **WONG SENG YEE** (BEBAS) (Masa:9.15 pagi)

Proses penamaan calon telah selesai dan berjalan dengan lancar serta tiada pencalonan yang ditolak. Maka bermulalah tempoh rasmi berkempen sehingga jam 11.59 malam, 25 Januari 2019.

PEMANTAUAN KEMPEN OLEH PP-KPR

4. Bagi tujuan memantau aktiviti berkempen sepanjang tempoh rasmi berkempen, SPR telah menubuhkan EMPAT (4) Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan raya (PP-KPR) selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 27B Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.
5. Pada penamaan calon kali ini, SPR telah menyediakan **SURAT AKU JANJI** yang akan ditandatangani oleh calon mengandungi **10 JANJI** mematuhi segala peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 dan mana-mana undang-undang serta peraturan yang berkaitan sepanjang tempoh 14 hari berkempen bermula pada 12 Januari 2019 sehingga 11.59 malam pada 26 Januari 2019.

MEMASANG BAHAN KEMPEN

6. Calon **DIBENARKAN** untuk mempamer dan mengedarkan bahan kempen pilihan raya yang mengandungi gambar calon, lambang/symbol parti dan gambar pemimpin parti yang diwakilinya termasuklah lambang/symbol parti dan gambar pemimpin parti komponen/gabungan/pakatan.
7. Apa-apa bahan kempen yang boleh digunakan seperti iklan, surat sebaran, pekat dan poster hendaklah mengandungi nama dan alamat pencetak dan penerbitnya **KECUALI** bendera, poster symbol parti dan gambar pemimpin parti atau calon yang bertanding.
8. PP-KPR boleh menurunkan bahan kempen yang berunsur negatif atau melanggar peruntukan undang-undang pilihan raya.
9. Bahan kempen yang mengandungi perkataan-perkataan yang boleh mengembangkan perasaan jahat atau yang boleh mendatangkan permusuhan adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
10. Kesemua parti adalah dilarang untuk membuka, membina atau menyelenggara pejabat dan barung semasa Hari mengundi.

CERAMAH PERLU MENDAPATKAN PERMIT POLIS

11. Setiap ceramah perlu mendapatkan permit daripada PDRM dan PDRM berkuasa untuk mengambil tindakan bagi aktiviti ceramah yang dijalankan tanpa permit.

PENGUMUMAN KEPUTUSAN PILIHAN RAYA

12. Dijangkakan Keputusan PRK akan diumumkan SEBELUM jam 10.00 malam.
13. SPR juga akan menyiarkan kepada umum keputusan awal PRK iaitu keputusan yang tertakluk kepada pengesahan melalui laman portal SPR dan juga paparan skrin di Pusat Penjumlahan Rasmi Undi.

PEMERHATI PILIHAN RAYA

14. Bagi PRK Parlimen P.078 ini, SPR telah melantik **85 orang pemerhati** pilihan raya daripada **11 buah organisasi** yang terdiri daripada agensi kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan organisasi berkecenderungan tempatan untuk memantau proses pilihan raya ini. Mereka adalah;
 - (a) Jawatankuasa Khas Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya - (11 orang)
 - (b) Persatuan OKU Sentral – (5 orang)
 - (c) BERSIH 2.0 - (14 orang)
 - (d) ENGAGE – (8 orang)
 - (e) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) – (2 orang)
 - (f) Kelab Pemikir Politik Nasional - (8 orang)
 - (g) Institut Darul Ehsan – (10 orang)
 - (h) Malaysian For Free and fair Elections - (4 orang)
 - (i) Tindak Malaysia – (4 orang)
 - (j) Malaysian Corruption Watch – (12 orang)
 - (k) Pertubuhan Akademik Pendidikan Demokrasi dan Kewarganegaraan Malaysia – (7 orang)

JANGKAAN PERATUSAN KELUAR MENGUNDI:

15. SPR menjangkakan peratusan keluar mengundi untuk PRK ini adalah lebih kurang 70 peratus.
16. SPR berharap para pengundi dapat keluar mengundi untuk menunaikan hak dan tanggungjawab mereka.

17. SPR juga memohon semua pihak khususnya pihak media agar turut memainkan peranan untuk menggalakan pengundi agar keluar mengundi pada 26 Januari nanti.

ASPEK PENAMBAHBAIKAN

18. Pada PRK ini beberapa penambahbaikan dilaksanakan antaranya;
 - i. Bagi pengundi yang berumur 60 tahun dan ke atas akan diwujudkan dua saluran;
 - ii. SPR telah mengenal pasti seramai 385 orang pengundi OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Saluran 1 disediakan khas juga untuk memudahkan proses pengundian kepada OKU.
 - iii. Tambahan waktu mengundi selama 30 minit iaitu dari jam 8 pagi hingga jam 5.30 petang (sebelumnya 8.00 pagi - 5:00 petang sahaja).
 - iv. Menambah 18 saluran baharu di Pusat Mengundi yang ramai pengundi. (70 Saluran kepada 88 saluran)
 - v. Penambahan petak undi di dalam tempat mengundi (saluran) kepada tiga (3) petak undi. Di mana amalan sebelumnya adalah DUA petak undi sahaja.
 - vi. SPR akan menyiarkan proses pengiraan undi secara langsung melalui media sosial SPR seperti Facebook dan Instagram dengan mengambil kira kesesuaiannya di satu saluran di Pusat Mengundi yang terpilih. Usaha ini adalah sebagai satu pendedahan dan kesedaran kepada masyarakat mengenai proses pengiraan undi semasa pilihan raya.

SEMAKAN DAFTAR PEMILIH

19. Para pengundi disaran membuat semakan Daftar Pemilih lebih awal untuk mengetahui maklumat pusat mengundi, saluran mengundi dan nombor bilangan mereka melalui Laman Web SPR (www.spr.gov.my) atau menelefon ke talian 03-88927018 atau melalui SMS 15888 atau menyemaknya melalui aplikasi MYSPR SEMAK.
20. Bagi pengundi yang telah mengetahui maklumat Pusat Mengundi, Saluran Mengundi dan juga nombor bilangan, mereka boleh mencatat maklumat berkenaan membawa catatan itu ke tempat mengundi tanpa perlu menyemaknya lagi di barung SPR.

EKPEKSTASI SPR

21. SPR berharap semua pengundi di Parlimen P.078 Cameron Highlands agar dapat menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pengundi dan tidak mensia-siakan HAK serta UNDI mereka.
22. SPR juga berharap agar aktiviti berkempen akan berjalan dengan penuh harmoni serta tidak melanggar undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

Sekian dimaklumkan dan terima kasih.

AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Tarikh : 12 Januari 2019 / Sabtu 06 Jamadil Awal 1440H